

12/11/2003

Segera bayar tunggakan (HL)

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan Perbendaharaan melangsaikan bayaran tunggakan kepada semua syarikat penyedia perkhidmatan dan barangan sebelum akhir tahun ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu Perbendaharaan memberinya maklumat berhubung jumlah tunggakan yang masih belum dibayar serta bayaran harian yang dibuat kepada penyedia perkhidmatan.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan, berkata maklumat bayaran tertunggak itu penting bagi membolehkan tindakan pembayaran lebih pantas dibuat kerajaan.

Perdana Menteri berkata, arahan itu dibuat kerana beliau masih menerima aduan mengenai kelewatan pembayaran kepada vendor dan penyedia perkhidmatan.

"Perkara itu tidak harus berlaku jika kerajaan mahu dilihat melaksanakan sistem kewangan mantap.

"Mereka mengadu sudah menyediakan perkhidmatan dan menyediakan barangan, tetapi pembayaran tidak dibuat. Jadi kita nak bayar sebelum akhir tahun ini. Kerajaan harus menjadi pembayar paymaster yang baik dan dihormati," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima taklimat 12 agensi di bawah Kementerian Kewangan di sini, petang semalam.

Inilah kali pertama Abdullah hadir di kementerian itu sejak menjawat jawatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan berikutan persaraan Tun Dr Mahathir Mohamad akhir bulan lalu.

Beliau menghabiskan masa sehabian di kementerian itu. Sejak pagi, Abdullah menghadiri perjumpaan bulanan Kementerian Kewangan dengan kakitangan.

Selepas itu, beliau ke pejabatnya sebelum mengadakan perjumpaan berasingan dengan semua ketua 12 agensi di bawah kementerian berkenaan. Sesi penerangan itu bertujuan menjelaskan struktur operasi setiap bahagian dan agensi di bawah Kementerian Kewangan.

Menjelaskan lanjut arahan pembayaran itu, Abdullah berkata, beliau mahu Perbendaharaan memulakan pembayaran tertunggak dari sekarang.

"Kita mahu membayar secepat mungkin (selepas perkhidmatan diberikan) tetapi kerana ia membabitkan pemeriksaan dan perkara lain, pembayaran harus dibuat dalam tempoh 30 hari," katanya.

Sementara itu, Abdullah menjelaskan sesi penerangan itu membolehkan beliau mendapatkan gambar jelas mengenai status, dasar serta hala tuju kewangan dan ekonomi negara.

"Saya memerlukan profesional yang memberikan fakta sebenar. Saya tidak memerlukan mereka yang memberitahu saya separuh kebenaran. Saya perlu tahu supaya keputusan yang saya buat adalah baik dan diterima semua selain memuaskan hati pelanggan kita," katanya.

Mengenai sama ada beliau berpuas hati dengan pencapaian agensi dan Kementerian Kewangan, Abdullah berkata, agensi terbabit beroperasi dengan baik dan tidak menghadapi masalah yang 'mencemaskan'.

Ditanya sama ada akan berlaku perubahan dalam kepimpinan agensi atau di Kementerian Kewangan, Abdullah berkata, setakat ini beliau tidak bercadang membuat sebarang perubahan.

"Semua ketua di agensi Kementerian Kewangan dikekalkan," katanya.

Dalam usaha meningkatkan khidmat pelanggan, Abdullah juga mengumumkan syarikat dan pembekal yang memohon menjadi kontraktor bekalan dan

perkhidmatan akan diberikan kelulusan automatik jika mereka tidak menerima sebarang jawapan daripada kementerian dalam dua minggu selepas permohonan dibuat.

Menteri Kewangan juga memutuskan prosedur lawatan ke premis pengilang bagi permohonan syarikat bertaraf pembuat, dimansuhkan sekiranya barangan keluaran mereka terdapat dalam senarai Barangan/Bahan Keluaran Tempatan SIRIM Quality Assurance atau IKRAM Quality Assurance.

Semua arahan ini berkuat kuasa serta-merta. Ketika ini, setiap permohonan menjadi pembekal kerajaan diberikan kelulusan dan sijil dalam satu bulan.

Langkah itu, kata Abdullah dapat mengatasi masalah kelewatan yang dihadapi usahawan dan peniaga.

Mengenai sama ada Malaysia akan menggugurkan tambatan ringgit kepada dolar Amerika Syarikat, beliau berkata: "Itu adalah tidak benar."

Ditanya sama ada kerajaan perlu menghadkan pemberian pingat kebesaran berikutan jumlah yang menerimanya terlalu ramai, Abdullah berkata, penganugerahan pingat itu adalah hak mutlak raja-raja.

"Namun harus dipastikan mereka yang dicadangkan untuk menerima pingat layak menerima penganugerahan. Pada masa depan penilaian lebih teliti perlu.

"Pada masa ini masalahnya ramai sangat yang nak... orang ini rayu... orang itu rayu walaupun mereka tidak pernah berjasa di negeri tertentu," katanya.